

Bil. E. 9

**UNDANG2 FUND KEMAJUAN, 1959.**

**NEGERI BRUNEI**

**UNDANG2 No. 8 Tahun 1959.**



Beta Bersetuju

D.Y.M.M. SULTAN SIR OMAR ALI  
SAIFUDDIN  
*Brunei.*

19hb. December, 1959.

*Satu Undang<sup>2</sup> untuk mengadakan Wang Fund bagi maksud<sup>2</sup> kemajuan Negeri dan kerana penguntukan wang kepada fund tersebut.*

(1hb. January, 1960)

Biar-lah di-undangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri seperti berikut :

Gelaran pendek dan permulaan.

Penubohan Fund Kemajuan

Maksud<sup>2</sup> bagi yang mana wang<sup>2</sup> dalam Fund boleh di-gunakan.

1. Undang<sup>2</sup> ini boleh di-gelar sebagai Undang<sup>2</sup> Fund Kemajuan, 1959, dan akan berjalan kuat kuasa-nya pada 1 haribulan January, 1960.
2. Ada-lah dengan ini di-tubohkan satu Fund yang di-panggil Fund Kemajuan (selepas ini di-sebut sebagai Fund) yang mengandungi jumlah wang yang dari satu masa ka-satu masa di-bayar ka-dalam-nya dari Kumpolan Wang yang di-satukan menurut kuasa Undang<sup>2</sup> Perbekalan kerana yang di-satukan menurut kuasa Undang<sup>2</sup> Pebekalan kerana maksud<sup>2</sup> Fund itu, dan semua wang tersebut akan dikira dalam satu kira<sup>2</sup> yang berasingan dalam Kira<sup>2</sup> Amanah.
3. (1) Semua wang dalam Fund itu hendak-lah di-gunakan hanya bagi maksud<sup>2</sup> kemajuan sahaja sabagaimana yang di-benarkan mengikut keputusan Majlis Meshuarat Negeri;

Di-sharatkan bahawa maksud<sup>2</sup> yang mana penguntukan telah di-buat di-dalam Anggaran<sup>2</sup> Modal dan Perbelanjaan Kemajuan yang telah

di-benarkan oleh State Council untuk tahun 1959, dan yang mana maseh belum di-sempurnakan pada penutop tahun itu, hendak-lah di-anggap sebagai maksud<sup>2</sup> kemajuan bagi yang mana wang<sup>2</sup> dalam fund itu boleh di-gunakan.

(2) Menteri Besar boleh, sebelum di-lulus sebarang keputusan di-bawah cheraian (2) bab 4 memerentah supaya di-gunakan wang yang ada dalam Fund itu sa-jumlah wang yang perlu untuk menyempurnakan mana<sup>2</sup> pekerjaan yang sudah tentu penguntukan-nya dalam Anggaran Modal dan Perbelanjaan Kemajuan untuk tahun 1959, dan yang mana maseh belum sempurna pada penutop tahun itu.

Di-sharatkan bahawa sebarang wang yang Sharat. di-perentah untuk di-gunakan itu hendak-lah dimasukkan ka-dalam kenyataan bagi perbelanjaan yang di-chadangkan untuk tahun 1960 kerana dibentangkan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri menurut cheraian (1) bab 4.

4. (1) Sultan dalam Majlis Meshuarat Kerajaan dalam tiap<sup>2</sup> tahun kewangan akan memerentah supaya di-bentang ka-hadapan Majlis Meshuarat Negeri satu kenyataan menchadangkan perbelanjaan di-keluarkan dari Fund itu untuk tahun itu dan menyatakan beberapa wang<sup>2</sup> yang perlu untuk perbelanjaan itu.

(2) Majlis Meshuarat Negeri boleh membuat keputusan membenarkan satu atau semua perbelanjaan yang di-chadangkan atau sa-bahagian daripadanya sabagaimana yang tersebut di-dalam kenyataan yang di-katakan dalam cheraian (1) dan dengan keputusan itu juga hendaklah menguntokkan wang<sup>2</sup> yang di-kehendaki kerana perbelanjaan itu.

(3) Jika berasangkit dalam sesuatu tahun kewangan bahawa wang yang di-untokkan di-bawah cheraian (2) tidak menchukopi atau pun timbal satu keperluan yang berkehendakkan perbelanjaan tambahan pada hal belum lagi di-untokkan wang kerana-nya oleh Majlis Meshuarat Negeri, maka satu kenyataan tambahan hendaklah di-bentangkan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri

Permohonan  
wang yang ada  
dalam fund  
untuk menyem-  
purnakan  
maksud<sup>2</sup> dalam  
anggaran 1959.

Kenyataan  
tahun bagi  
Perbelanjaan  
yang di-  
chadangkan.

Kebenaran bagi  
perbelanjaan  
dan peng-  
untokan wang  
dengan  
keputusan.

Kenyataan  
tambahan.

sechara yang di-sebut dalam cheraian (1) dan Majlis Meshuarat Negeri boleh-lah membuat keputusan membenarkan satu atau semua perbelanjaan tambahan itu atau pun sebahagian daripada-nya sebagaimana yang perbelanjaan tersebut dalam kenyataan tambahan dan dengan keputusan itu hendaklah menguntokkan lagi wang yang di-khendaki kerana perbelanjaan tambahan itu.

Sharat.

Di-sharatkan bahawa Sultan dalam Majlis Meshuarat Kerajaan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa telah timbul dalam sesuatu tahun kewangan satu kehendak yang mustahak di-segerakan kerana perbelanjaan pada hal belum lagi di-untokkan wang kerana-nya di-bawah cheraian (2) atau pun wang yang sudah di-untokkan itu tidak menchukopi, memerentahkan supaya wang yang ada dalam Fund itu dan yang tidak di-khendaki kerana perbelanjaan yang sudah di-benarkan bolch di-gunakan untuk keperluan tersebut; di-sharatkan pula bahawa wang<sup>2</sup> yang di-perentah supaya di-gunakan serupa itu hendaklah di-masukkan ka-dalam kenyataan tambahan sabagaimana yang tersebut dalam cheraian ini.

Menggunakan  
wang yang  
di-untokkan  
bagi satu  
maksud untuk  
maksud lain.

(4) Dalam sesuatu tahun kewangan jikalau Menteri Besar berpendapat bahawa wang yang di-untokkan di-bawah cheraian (2) dan (3) kerana sesuatu maksud yang di-benarkan tidak akan di-kehendaki semua-nya untuk perbelanjaan maksud tersebut dalam tahun itu maka boleh-lah ia memerentah supaya wang<sup>2</sup> yang tidak di-kehendaki itu di-gunakan bagi membantu sesuatu maksud lain yang sudah di-benarkan.

Penguntokan  
luput

(5) Semua penguntokan yang di-buat di-bawah cheraian (1) dan (3) akan luput pada penutup tahun kewangan dan baki<sup>2</sup> wang yang tinggal dalam Fund itu boleh-lah di-gunakan kerana penguntokan lain;

Di-sharatkan bahawa jika sesuatu maksud yang sudah di-untokkan wang-nya maseh belum di-sempurnakan pada penutup sesuatu tahun kewangan, maka Menteri Besar boleh-lah sunggoh pun sharat dari cheraian ini memerentah sebalek-nya, memerentah supaya baki<sup>2</sup> wang yang di-untokkan itu di-guna kerana menyempurnakan maksud tersebut dalam tahun yang berikut.

5. Pegawai Kewangan Negeri hendak-lah dengan surat warrant yang di-tanda tangani-nya membenarkan pengeluaran dari Fund itu wang<sup>2</sup> yang di-perentah oleh Menteri Besar untuk di-gunakan kerana menyempurnakan maksud<sup>2</sup> yang tertentu di-bawah cheraian (2) dari bab 3 wang<sup>2</sup> kerana perbelanjaan yang di-benarkan mengikut keputusan Majlis Meshuarat Negeri di-bawah cheraian (2) dan (3) dari bab 4 dan wang<sup>2</sup> yang di-perentahkan oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat Kerajaan di-bawah sharat cheraian (3) bab 4 bagi di-gunakan untuk keperluan perbelanjaan<sup>2</sup> yang mustahak di-segerakan.
- Pengeluaran  
wang dengan  
jalan warrant.

Di-luluskan pada 16 haribulan December, 1959.

(Tanda tangan) MOHD. TAIB  
*Juru Tulis Majlis Meshuarat Negeri,  
Brunei.*

(S.F.O. 102/60. AG. 59/59)

## SUSUNAN BAB2

### Bab

1. Gelaran pendek dan permulaan.
2. Penubohan Fund Kemajuan.
3. Maksud<sup>2</sup> bagi yang mana wang<sup>2</sup> dalam Fund boleh di-gunakan.
4. Kenyataan tahunan bagi Perbelanjaan yang di-cha-dangkan.
5. Pengeluaran wang dengan jalan warrant.